

21/07/1998

Perselisihan dasar tidak wujud: PM (HL)

Shamshul Azree Samshir; Bakhari Ariff

KUALA LUMPUR, Isnin - Tidak wujud perselisihan dasar antara usaha kerajaan mengurangkan perbelanjaannya dengan penubuhan pelbagai dana untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri memberitahu sidang Dewan Rakyat hari ini, dana diwujudkan bagi membantu syarikat yang terjejas akibat kegawatan ekonomi supaya ia dapat memperolehi keuntungan, seterusnya menyumbang kepada ekonomi negara menerusi pembayaran cukai.

"Kalau mereka (sektor swasta) tidak dapat berjalan dengan baik dan tidak mendapat keuntungan, kerajaan tidak akan dapat memperolehi cukai yang cukup.

"Sebab itu, sementara kita mengurangkan perbelanjaan kerajaan, kita mahu sektor swasta aktif dan meneruskan perniagaan supaya mereka mendapat keuntungan," katanya menjawab soalan tambahan Tan Seng Giaw (DAP-Kepong).

Dr Mahathir menjelaskan, usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara juga tidak akan berjaya selagi kuasa berada di tangan pedagang mata wang asing yang berusaha untuk meruntuhkan ekonomi negara membangun.

"Kita melihat mereka ... dari sebuah negara ke sebuah negara, tidak ada kerja lain melainkan meruntuhkan ekonomi untuk mendapat keuntungan besar. Mereka ini hanya boleh didisiplinkan oleh kerajaan mereka," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, kerajaan membuat keputusan untuk mengurangkan perbelanjaan kerana sudah menjangka pendapatan negara akan merosot berikutan kegawatan ekonomi.

"Sehubungan itu, kita mengurangkan perbelanjaan 20 peratus. Bagaimanapun, ini tidak bermakna kerajaan hendak supaya semua syarikat tidak dapat berjalan. Kalau mereka tidak dapat berjalan dengan baik, maka keuntungan yang diperolehi akan berkurangan," katanya.

Kepada soalan asal Tan, Dr Mahathir menjelaskan, antara langkah yang diambil kerajaan dalam menangani masalah ekonomi ialah mengurangkan penggunaan mata wang asing dalam perdagangan antarabangsa serta meningkatkan eksport.

Menurutnya, strategi meningkatkan eksport berjaya menghapuskan defisit dalam imbalan pembayaran sehingga mencapai lebih RM16 bilion dalam empat bulan pertama tahun ini.

Kerajaan juga, katanya, sedang mengadakan perdagangan dalam bentuk pertukaran barang dan aturan pembayaran dua hala (BPA). Penubuhan Pengurusan Dana Harta Nasional Berhad (Danaharta) pula adalah untuk memulih sistem perbankan daripada tekanan hutang tidak berbayar (NPL).

Menjawab soalan tambahan Jimmy Lim (BN-Sri Aman), berhubung kadar faedah dan penjadualan semula hutang oleh bank, Dr Mahathir berkata, usaha kerajaan menurunkan kadar faedah di negara ini terjejas apabila ada negara lain dengan sengaja menaikkan kadar faedah sehingga 40 peratus.

"Dengan itu, ramai rakyat membawa wang mereka ke negara asing untuk mendapat faedah besar. Maka duit untuk pinjaman oleh bank kita berkurangan.

"Jika kita kurangkan sangat kadar faedah, maka tidak akan ada siapapun menyimpan wang dalam bank kita. Sehubungan itu, kita tidak akan mempunyai cukup wang," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun menegaskan, kerajaan sedang berusaha mencari jalan supaya kadar faedah dihadkan kepada paras sedia ada atau kurang sedikit daripada jumlah itu.

"Selain itu, kerajaan menggunakan cara lain untuk menolong peniaga kita mendapat pinjaman yang lebih murah, mungkin tidak melalui saluran bank. Dengan ini, kos perniagaan dapat dikurangkan," katanya.

(END)